

UEC perlu sehati SPM, STPM

Oleh SAFINA RAMLI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 21 JULAI

PENGIKTIRAFAN Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) yang menjadi agenda kerajaan Pakatan Harapan (PH) terus diperkatakan apabila tokoh perlembagaan dan sosiobudaya, Tan Sri Dr. Rais Yatim mencadangkan UEC wajib sehati dengan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Rais berkata, perkara itu perlu dilakukan bagi memastikan per-

paduan nasional melalui sistem pendidikan negara dapat dicapai.

“UEC demi kenegaraan Malaysia wajib sehati dengan SPM dan STPM, tidak berasingan.

“Apabila ada sijil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) swasta dan sijil kebangsaan bersaing, perpaduan nasional melalui pendidikan tidak akan tercapai,” katanya menerusi Twitter hari ini.

Rais yang kini ahli Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) merupakan antara individu yang lan-



RAIS YATIM

tang mempersoalkan pengiktirafan UEC oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Antara manifesto PH ialah membenarkan mereka memegang sijil UEC untuk memasuki universiti awam.

Dalam pada itu, Rais juga turut mempersoalkan Dewan Bahasa dan Pustaka yang mengambil pendekatan berdiam diri berhubung isu berkenaan.

“Hairan kenapa DBP berdiam diri,” katanya.

Apabila ada sijil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) swasta dan sijil kebangsaan bersaing, perpaduan nasional melalui pendidikan tidak akan tercapai.”

RAIS YATIM

Tokoh perlembagaan dan sosiobudaya